

# Projek mendalamkan sungai tangani banjir kilat di Janda Baik

Oleh **RoselanAb Malek** - Mei 12, 2022 @ 9:01pm

bhnews@bh.com.my



Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali (tengah) menyerahkan sumbangan kepada mangsa banjir di Perpustakaan Desa, Janda Baik. - Foto NSTP/Farizul Hafiz Awang

**BENTONG:** Projek mendalamkan sungai di Janda Baik antara langkah segera yang akan diambil Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi mengatasi masalah banjir yang kerap berlaku di kawasan percutian popular itu.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata selain itu sebanyak RM400 juta diperuntukkan untuk memulakan kerja-kerja membina penghadang banjir di Bentong sebagai sebahagian daripada langkah jangka panjang untuk mengatasi banjir di kawasan rendah termasuk Janda Baik.

"Langkah jangka pendek termasuk mendalamkan sungai di sini manakala usaha jangka panjang termasuk kemungkinan membina kolam takungan banjir. Mungkin, kita memerlukan kolam tumpung banjir untuk mengalihkan air daripada mengalir ke hilir.

"Ketika hujan semalam, air dari hulu mengalir deras dan menenggelami kawasan rendah," katanya kepada pemberita selepas menyalurkan bantuan wang tunai RM1,000 kepada 160 ketua keluarga yang terjejas akibat banjir kilat di Janda Baik di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah JPS, Datuk Dr Md Nasir Md Noh; Ketua Polis Pahang, Datuk Ramli Mohamed Yoosuf dan Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat Pahang, Datuk Wan Mohammad Zaidi Wan Isa

Mohd Zuki berkata JPS akan mengkaji langkah jangka pendek dan panjang untuk membantu usaha membina tebatan banjir di Janda Baik.

"Tiada gunanya jika kita selesaikan dengan langkah jangka pendek tetapi setiap kali hujan lebat, banjir kilat terus berulang. JPS akan membersihkan dan mendalamkan sungai yang berkelodak dan cetek.... sungai dipenuhi serpihan dan batu yang dihanyutkan ketika banjir.

"Banjir kilat akibat hujan lebat yang berlarutan kira-kira tiga jam adalah di luar jangkaan dan air pula surut dengan cepat. Bagaimanapun, banyak rumah terjejas akibat kejadian itu," katanya.

Mengenai bantuan wang tunai RM1,000, Mohd Zuki berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang berada di Amerika Syarikat, menghubunginya supaya melawat Janda Baik dan segera mengagihkan bantuan itu.

"Kami masih meneliti kemungkinan menyediakan bantuan lain bagi membantu mangsa banjir untuk pulih. Kami masih belum menerima jumlah yang tepat dan kemungkinan untuk memberi bantuan sama seperti kejadian banjir sebelum ini," katanya.

Hujan lebat berterusan sejak 4 pagi semalam menyebabkan paras air di Sungai Sungai Benus, Sungai Sum-Sum dan Sungai Cheringin meningkat dengan cepat dan mencetuskan banjir kilat di empat kampung - Kampung Janda Baik, Kampung Sum-Sum, Kampung Cheringin dan Kampung Chemperoh.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, dilaporkan berkata banjir itu dicetuskan oleh hujan luar biasa di hulu sungai yang berlangsung kira-kira tiga jam yang mana sungai dipenuhi enap cemar akibat banjir pada 18 Disember lalu.